

Pulihara artifak

Pameran di Muzium Kesenian Islam dedah pengunjung bidang tugas konservator

FOTO | L Manimaran

>>Oleh Faizatul Farlin Farush Khan
ffarlin@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Pelbagai artifak berharga dari kurun ketujuh hingga ke-20 termasuk senaskhah al-Quran diraja milik Sultan Zainal Abidin III dari Terengganu, kini dipamerkan dalam pameran 'Di Sebalik Tabir: Fokus Terhadap Pemuliharaan' yang julung kali diadakan di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), di sini.

Naskhah terabit yang dihasilkan dan digunakan Sultan dari era 1866 hingga 1918 itu, dihiasi mineral ultramarine berwarna biru yang hanya boleh didapati di Iran dan Afghanistan serta mempunyai nilai jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan emas pada zaman itu.

Al-Quran diraja itu turut dihiasi logam emas dan kini dipamerkan di MKIM selepas menjalani proses pe-



ANTIK...seramik artifak purba dari China dan bekas pelita Mesir kurun kelapan antara yang dipamerkan.

muliharaan berikutan ada lapisan warnanya yang mula tertanggal akibat pendedahan kepada udara dan cahaya, kesan peredaran masa.

Selain al-Quran berkenaan, pameran bermula semalam hingga 10 Jun ini turut memperlihatkan sebanyak 30 artifak purba yang sudah dipulihara sepasukan 16 pemulihara atau dikenali se-

bagai konservator di MKIM, termasuk seorang yang dibawa khas dari London, Idries Trevathan.

Antara artifak lain yang sudah menjalani proses pemuliharaan dan dipamerkan adalah barangan logam, seramik, tekstil dan naskhah purba semuanya mempunyai nilai sejarah yang menjangkau seribu lima ratus tahun.

Pengurus projek yang juga antara konservator di Pusat Konservasi MKIM, Mukhtaruddin Musa, berkata buat julung kalinya, MKIM menganjurkan pameran itu bagi mendedahkan orang ramai terhadap bidang tugas seorang konservator.

Ini kerana katanya, bidang berkenaan terlalu baru di negara ini iaitu hanya bertapak kira-kira tujuh tahun lalu.